

UMNO - NAMA

IDZAN

1984

KUALA LUMPUR, 15 SEPT. (BERNAMA) -- PARTI-PARTI POLITIK YANG MENGGUNAKAN PERKATAAN +ISLAM+UNTUK NAMAPARTI MEREKA AKAN BOLEH TERUS BERBUAT DEMIKIAN SEKURANG-KURANGNYA BUAT MASA INI.

MAJLIS TERTINGGI UMNO, PENDUKUNG UTAMA KERAJAAN BARISAN NASIONAL, YANG BERSIDANG DISINI HARI INI MENOLAK SYOR SUPAYA DIHARAMKAN PENGGUNAAN PERKATAAN +ISLAM+OLEH MANA-MANA BADAN POLITIK TANAH AIR.

SYOR ITU DIKEMUKAKAN OLEH UMNO NEGERI MELAKA.

PERDANA HENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SELEPAS SIDANG HAMPPIR EMPAT JAM ITU BAHAWA BADAN TERTINGGI UMNO ITU TELAH MENIMBANGKAN SYOR TERSEBUT TETAPI MENOLAKNYA KERANA BERPENDAPAT LARANGAN ITU TIDAK PERLU, SEKURANG-KURANGNYA BUAT MASA INI.

BELIAU BAGI MANA PUN TIDAK MENGHURAIKAN HUJAH-HUJAH MENGAPA SYOR ITU DITOLAK. -- LAGI

1447MST 15 09 84

D156

U B779 DEB

UMNO - NAHA 2 KUALA LUMPUR

SELAIN MEMBINCANGKAN SYOR ITU, MAJLIS TERTINGGI JUGA TELAH MENERIMA DAN MENGESAHKAN PERLANTIKAN EMPAT ORANG TIMBALAN KETUA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI.

MEREKA IALAH MENTERI LUAR TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN (KELANTAN), MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DATUK SHAHRIR ABDUL SAMAD (JOHOR), ANGGOTA EXCO NEGERI MELAKA DATUK WIRAHMAD NORDIN (MELAKA), DAN ANGGOTA PARLIMEN BALIK PULAU ENCIK SHAMSURI MOHAMAD SALLEH (PULAU PINANG).

PERLANTIKAN TIMBALAN KETUA PERHUBUNGAN UMNO BAGI NEGERI-NEGERI YANG LAIN BELUM DIBUAT. -- BERNAMA